



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(100)

Tarikh : 11/06/2020

Ruj Tuan/ Our Ref:

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN SOKONGAN SIRI 1/2020**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

- 1. (a) JAWATAN : PENGAWAS HUTAN GRED G19**
- (b) PENEMPATAN :** Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar
- (c) TARAF JAWATAN :** Tetap/Kontrak
- (d) JADUAL GAJI :** RM 1,357.00 (Minimum) – RM 4,008.00 (Maksimum)
- (e) KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN :** RM 100.00
- (f) IMBUHAN**
  - (i) Tetap Khidmat Awam : RM115.00
  - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
  - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (g) SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

  - (i) Warganegara Malaysia;
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

**(h) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED G19**

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Sekolah Latihan Perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred G19 : RM1413.40); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau Institut Latihan Perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred G19 : RM1469.80); dan

**(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan ke Pengawas Hutan Gred G19 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(j) SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(h) di atas; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (iii) had umur pelantikan :-
  - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<https://www.frim.gov.my/career-opportunities/>) akan diproses.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 1 JULAI 2020 (Rabu)**

## **CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.